

Pahang kaji jenis bantuan kepada mangsa

Kuantan: Kerajaan negeri sedang mempertimbangkan jenis bantuan kepada mangsa banjir di sini, terutama mereka yang kehilangan tempat tinggal.

Bantuan akan disediakan mengikut tahap kerugian dan kemusnahan dialami yang akan dibiayai peruntukan khas disediakan kerajaan negeri. Gerakan mendapatkan butiran terperinci mengenai jumlah mangsa terjejas serta jenis bantuan bersesuaian akan digerakkan secepat mungkin.

Ketua Pemuda UMNO Kuantan, Datuk Suffian Awang, ketika ditemui media selepas melawat mangsa banjir di Kampung Galing Besar, di sini semalam, berkata penduduk yang kehilangan tempat tinggal akan dibantu dari segi pulih rumah atau pembinaan baru jika perlu.

Perparitan tersumbat

Antara kawasan terjejas teruk akibat banjir adalah Kampung Galing Besar yang memaksa kira-kira 204 penduduk kampung bersebelahan Sungai Galing dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Galing.

Sementara itu, penduduk Kampung Galing Besar, Gayah Isa, 58, berkata rumahnya bersama pelbagai kelengkapan dan peralatan elektrik rosak teruk akibat bencana berkenaan yang disifatkannya seperti tsunami kecil.

+ Di **Kuantan**, Pengarah Perbadanan Pengurusan Sistem Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) Pahang, Mohd Nor Afandi Abd Aziz, berkata banjir kilat sekitar pusat bandar ini Isnin lalu bukan disebabkan masalah sistem perparitan tersumbat.

“Jumlah hujan yang banyak menyebabkan sistem perparitan tidak dapat menampung hingga ia melimpah dan menenggelamkan beberapa jalan utama di bandar ini. Saya difahamkan air laut pasang turut menjadi punca banjir kilat di pusat bandar hingga pemilik premis perniagaan kerugian,” katanya.